

## ANALISIS PEMBANGUNAN JATI DIRI HASAN AL BANNA DALAM KARYA *USUL 'ISYRIIN*

Suriani Binti Sudi, Norul Huda Abu Bakar

### ABSTRAK

*Kekukuhan jati diri khususnya di kalangan generasi muda sering kali menjadi kebimbangan masyarakat. Terdapat beberapa kajian terkini berkaitan jati diri juga menunjukkan tahap keprihatinan masyarakat khususnya para ilmuwan terhadap masalah kekukuhan jati diri ini. Jati diri yang lemah akan membawa kepada keruntuhan akidah, kejatuhan akhlak dan juga boleh menyebabkan seseorang itu hilang identiti. Maka, artikel ini akan mengupas dan menganalisis aspek pembangunan jati diri dalam pemikiran Hasan al-Banna, seorang tokoh dakwah kontemporari. Seorang tokoh yang telah menggegarkan bumi Mesir serta dunia Arab seluruhnya menerusi dakwah, tarbiah, jihad dan ketokohnya yang unggul, yang dibahaskan secara teoretis dalam karya hebat beliau "Usul 'Isyriin". Dalam perbahasan ini penulis akan mengulas secara ringkas aspek pembentukan jati diri yang wujud dalam karya ini.*

**Kata kunci:** *Hasan al-Banna, jati diri, Usul 'Isyriin*

---

### 1. Pendahuluan

Islam sedari awal kemunculannya, tidak pernah lekang dari berhadapan dengan *mehnah* dan tribulasi dari pelbagai sudut. Islam sentiasa berhadapan dengan penyelewengan terhadap keesaan Allah yang cuba membawa akal kepada syirik, khurafat dan kepercayaan-kepercayaan batil yang diwarisi dari nenek moyang. Islam juga sentiasa berperang dengan hati dan perasaan yang cuba untuk membawa diri untuk jauh dari manhaj fitrah. Seterusnya Islam juga sentiasa berhadapan dengan ciptaan-ciptaan yang salah berkaitan hubungan sesama manusia, urusan pentadbiran dan pendidikan, undang-undang masyarakat, ekonomi dan sebagainya. Semua perkara-perkara ini menyebabkan muslim tidak boleh membezakan antara yang benar dan yang batil. Hanya kefahaman yang benar terhadap ajaran Islam akan menyelamatkannya dari segala *mehnah* tersebut. Dengan kefahaman ini jugalah seorang muslim akan menjadi seorang muslim yang sejati dan mempunyai jati diri.

Jati diri adalah asas kepada pembangunan ummah. Ummah yang berjaya bermula dari individu yang bermaruah dan mempunyai jati diri yang tinggi. Maka kertas kerja ini akan menghuraikan bagaimana dengan kefahaman terhadap *Usul 'Isyriin* ini boleh membawa kepada pemantapan jati diri.

### Hasan Al-Banna

Hasan Al-Banna mempunyai latar belakang agama yang agak baik dan sempurna. Beliau sudah menghafal 30 Juzuk al-Quran pada usia muda lagi. Pendidikannya bermula di sekolah tahfizul Qur'an di Al-Mahmudiyah. Setelah itu beliau menyambung pelajarannya di sekolah Al Mu'allimin Al-Awwaliyah di Damanhour dan pada tahun 1923 beliau memasuki kuliah di Fakulti Dar al-Ulum di Kaherah dan lulus pada tahun 1927. Beliau merupakan seorang pelajar yang cerdas kerana beliau bukan setakat meraih meraih ilmu mata pelajaran kuliahnya sahaja bahkan beliau turut mengkaji dan belajar ilmu-ilmu lain seperti ilmu al-hayah, sistem pemerintahan, ekonomi politik, bahasa, sastera, hukum, geografi dan sejarah. Akhirnya

semua itu membuatkan beliau matang dalam berbagai ilmu pengetahuan. Setelah kelulusannya, beliau mulai mengajar di Ismailiyah. Di sana dia menjadi kolumnis majalah Pemuda Muslim Kaherah, Al-Fath, dan menjalin hubungan dengan kelompok yang di pimpin Rasyid Ridha iaitu Maktabah Salafiyah, yang menerbitkan jurnal-jurnal ilmiah Al-Manar. Data sejarah juga menyebut bahawa Hasan al-Banna adalah salah seorang pengikut tasawuf Syaziliyah, dan menjalani kehidupan sebagai seorang yang zuhud dan beruzlah. Hal ini antara lain terlihat dari kehidupannya yang amat sederhana baik dalam hal pakaian mahupun makanan. Maka tidak hairanlah jika beliau tampil sebagai seorang dai dan pejuang yang gigih dalam memperjuangkan cita-ciatanya.

Hasan al-Banna adalah seorang ilmuwan yang banyak melahirkan penulisan baik yang bersumber dari hasil ceramahnya dan juga kritikan-kritikannya ke atas pemerintahan Mesir. Di antara karya-karyanya ialah Allah fi al 'Aqidah al-Islamiyah (Allah menurut Aqidah Islam), Ila al-Tulab (Buat para mahsaiswa), Risalah al-'Aqid(Risalah Akidah), Risalah al-Mu'tamar al-Sadis (Risalah Mukhtar Keenam), Qadhiyyatuna baina yadai al-Ra'yi al-'Am al-Mishri wa al-'Arabi wa al-Islami wa al-Dhamir al-Insani al-'Alami (Persoalan kita di Tengah-Tengah Pandangan Umum Masyarakat Mesir, Arab Islam dan Naluri Manusia Sedunia), Nizam al-Usar (Risalah Usrah) Risalah al-Ta'lim, al-Mar'ah al-Muslimah (Perempuan Muslimah). Semua ini dimuatkan di dalam Majmuah Rasail al-Imam Hasan Al-Banna yang dianggap sebagai rujukan utama dalam memahami pemikiran dan manhaj Imam Hasan al-Banna dan Ikhwan al-Muslimin secara umum. Antara bukunya yang lain ialah Muzakirah al-Da'wah wa al-Da'iyah yang diulang cetak banyak kali dan banyak lagi. Imam Hasan al-Banna, selain dikenali sebagai tokoh pergerakan dakwah beliau juga dikenali sebagai seorang tokoh pendidikan dan pemikiran Islam kontemporari. Banyak ide-idenya tetap hidup dan relevan, meskipun beliau telah lama dipanggil ke hadirat Ilahi.

### **Definisi Jati Diri**

Jati diri merupakan perkataan yang baru sahaja disebut sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Perkataan jati diri ini diambil dari dua kalimah iaitu 'jati' dan 'diri'. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, 'jati' adalah seerti dengan asli, tulen, murni, sejati dan yang sebenarnya. Manakala 'jati diri' pula bermaksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa.

Ari Kurniawan (1985) berkata, umumnya jati diri ialah sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari banyak segi seperti adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras dalam membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa.

Wan Muhamad (2010) pula menyatakan jati diri juga disebut sebagai identiti yang merujuk kepada identiti diri atau keperibadian diri sebenar yang dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya.

Wan Ahmad Fauzi (2013) seterusnya menjelaskan lagi pengertian jati diri di mana beliau menyatakan pengertian jati diri melampaui pengertian identiti. Identiti adalah pengenalan keperibadian secara luaran. Sebaliknya pengertian jati diri berpangkal pada perkataan 'sejati', 'tulen', 'sebenar' dan 'asli'. Oleh sebab ia adalah mengenai keunikan, maka dengan sendirinya jati diri adalah mengenai kelainan.

### **Jati Diri Di Sisi Hasan Al-Banna**

Imam Hasan al-Banna sangat menekankan pembentukan diri muslim. Dalam meletakkan peringkat-peringkat amal yang perlu dibuat oleh setiap muslim, beliau telah meletakkan pembentukan diri muslim sebagai asas yang pertama yang perlu dilakukan. Beliau menggariskan sepuluh ciri peribadi muslim yang perlu dipenuhi iaitu;

1. Kuat tubuh badan
2. Akhlak yang ampuh
3. Fikiran yang berilmu pengetahuan
4. Mampu bekerja
5. Akidah yang sejahtera
6. Ibadah yang sah
7. Mujahadah diri
8. Menjaga waktu
9. Bersistem dalam urusan
10. Bermanfaat untuk orang lain.

Maka untuk mencapai sepuluh ciri peribadi muslim yang digariskan, Imam Hasan al-Banna telah meletakkan sepuluh langkah yang perlu dilalui agar individu yang dilahirkan bukan sekadar individu biasa akan tetapi individu yang punyai jati diri, keunikan, kelainan. Sepuluh langkah ini terkandung di dalam rukun bai'ah Hasan al-Banna. Beliau telah meletakkan sepuluh langkah atau petunjuk atau yang perlu dilalui oleh seorang muslim dalam usaha untuk melahirkan susuk tubuh muslim yang mempunyai sepuluh sifat itu. (Jumaah Amin, 1993). Sepuluh langkah dalam pembentukan yang dimaksudkan adalah seperti berikut.

1. Mempunyai kefahaman Islam yang sah sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w
2. Ikhlas iaitu hanya mengharapkan keredaan dan ganjaran Allah dalam setiap amalannya.
3. Berterusan dalam melakukan amal soleh.
4. Berjihad hingga ke hari Kiamat
5. Mengorbankan jiwa, harta, masa, kehidupan dan segala sesuatu untuk mencapai matlamat
6. Taat iaitu mematuhi perintah dan melaksanakannya dengan segera.
7. *Thabat* iaitu sentiasa beramal dan berjihad untuk mencapai matlamat sekalipun matlamat tersebut masih terlalu jauh dan memakan masa bertahun-tahun.
8. *Tajarrud* iaitu membebaskan diri dari prinsip-prinsip dan individu-individu yang lain dari Islam.
9. *Ukhuwwah* iaitu merasakan saudaranya lebih utama dari dirinya sendiri.
10. *Thiqah* iaitu keyakinan.

### **Membentuk Jati Diri Menerusi Kefahaman Terhadap *Usul 'Isyriin***

Perkara yang paling utama dan penting dalam membentuk jati diri muslim ialah kefahaman yang jelas terhadap ajaran-ajaran Islam. Kefahamannya inilah yang memandu diri seseorang dalam sebarang tindakan dan perbuatannya. Maka atas dasar ini *Usul 'Isyriin* ini diasaskan. Iaitu untuk memberi kefahaman yang betul terhadap permasalahan asas dalam Islam dan melahirkan muslim yang mempunyai jati diri. (Jumaah Amin, 1993)

Penulis mendapati dua puluh usul ini menyentuh kepada pembentukan kefahaman asas dalam melahirkan muslim berjati diri tinggi. Penulis mendapati dua puluh usul ini mempunyai tema-tema perbincangannya yang tersendiri. Penulis membahagikan perbincangan usul dua puluh ini mengikut tema seperti berikut;

**a. Memahami Bahawa Islam Adalah Agama Yang Syumul**

Sebahagian muslim memandang Islam dengan pelbagai pandangan. Sebahagiannya memandang seorang itu dianggap muslim cukup apabila ia melaksanakan ibadat-ibadat zahir seperti sembahyang, puasa, zakat dan seterusnya. Sebahagian yang lain pula berpandangan Islam adalah akhlak yang mulia, rohani yang suci dan kalimat-kalimat falsafah-falsafah yang agung. Manakala sebahagian yang lain pula berpandangan Islam itu adalah akidah yang diwarisi, ibadah dan amalan yang diikuti. Kerana itulah Hasan al-Banna menjelaskan akan kesyumulan Islam pada usul ini. Beliau ingin membetulkan salah faham terhadap Islam dan membersihkannya dari minda umat seluruhnya dengan usul yang pertama ini;

Usul Pertama:

Islam adalah satu sistem yang bersepadu mencakupi seluruh aspek kehidupan. Islam adalah negara dan tanah air atau kerajaan dan rakyat. Islam adalah akhlak dan kekuatan atau rahmat dan keadilan. Islam adalah pengetahuan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman. Islam adalah benda dan harta atau pendapatan dan kekayaan. Islam adalah jihad dan dakwah atau tentera dan gagasan. Selain itu Islam juga adalah akidah yang sejahtera dan ibadah yang sah. (Majmuah Rasail;

**b. Betul dalam Pengambilan Sumber**

Dalam memahami Islam, Hasan al-Banna menegaskan bahawa sumber ambilan yang betul akan memastikan kefahaman dan amalan seorang muslim itu berada di landasan yang betul. Beliau telah menyentuhnya pada usul kedua yang berbunyi;

Usul Kedua:

Al-Quran al-Karim dan sunah yang suci adalah rujukan setiap muslim untuk memahami hukum hakam Islam. Al-Quran perlu difahami menurut kaedah bahasa Arab tanpa mengada-adakan atau keterlaluan. Sementara sunah pula perlu difahami melalui ahli hadis yang dipercayai.

Jumaah Amin (1993) menyatakan bahawa usul ini menjelaskan sumber ambilan yang pertama ialah al-Quran dan sumber ambilan yang kedua ialah sunah. Al-Quran dan sunah adalah asas syarak dan yang mendatangi nas-nas syarak yang menetapkan hukum-hukum Islam secara keseluruhan. Hukum-hukum lain yang baru juga adalah berasaskan kepada dua sumber yang utama ini.

Beliau juga menyentuh tema ini dalam usulnya yang ketiga yang mana usul ini menjelaskan bahawa ilham, lintasan hati, kasyaf dan mimpi bukanlah dari dalil syarak yang sah;

Usul ketiga:

Iman yang benar, ibadah yang sah dan mujahadah mengandungi cahaya dan kemanisan yang diberikan Allah ke dalam hati hambaNya yang dikehendaki. Namun ilham, lintasan hati, kasyaf dan mimpi bukanlah dalil hukum syarak dan tidak diambil kira kecuali jika tidak bercanggah dengan hukum-hukum dan nas-nas agama.

**c. Bijak Berhadapan Dengan Pandangan Manusia**

Berkenaan perkara ini Imam Hasan al-Banna menyentuhnya dalam usul yang keenam yang berbunyi;

Usul keenam:

Kata-kata manusia boleh diterima dan ditolak kecuali kata-kata manusia yang maksum iaitu Nabi s.a.w. Segala yang datang dari generasi silam yang diredhai Allah jika bertepatan dengan kitab dan sunah kita akan terima. Jika tidak, kitab Allah dan sunah RasulNya lebih utama untuk diikuti. Walau bagaimanapun kita tidak akan mengecam ataupun mengkritik mana-mana individu yang tidak sependapat. Kita serahkan kepada niat mereka. Mereka telah pun menyampaikan apa yang mereka kemukakan.

Dalam usul ini Hasan al-Banna menjelaskan bahawa kita boleh menerima pandangan manusia dengan syarat ia tidak bertentangan dengan al-Quran dan sunah. Dan tidak salah untuk kita menolaknya kerana ia hanya pandangan manusia biasa. Beliau juga menekankan adab dengan mereka yang berlainan pendapat iaitu dengan menghormati pandangan mereka.

**d. Menanam Aqidah Yang Sahih**

Setiap muslim perlu ada di dalam dirinya keyakinan dan kepercayaan kepada Allah sebagai Tuhan yang disembah dan berkuasa dalam menentukan segala perjalanan hidup manusia dan seluruh isi dunia ini. Keimanan dan keyakinan kepada kekuasaan perlu tersemat teguh di dalam hati dan dizahirkan melalui sifat-sifat yang membuktikan kepatuhan kepada segala suruhan dan menjauhkan apa yang dilarang (Mohd Fauzi 2002).

Dalam menyebut kekuatan akidah, Hasan al-Banna telah menyentuhnya pada usul yang ke sepuluh yang berbunyi;

Usul kesepuluh

Mengenali, mengesakan dan menyucikan Allah Taala adalah akidah yang paling suci. Semua ayat dan hadis menyebut tentang sifat Allah dan apa sahaja yang berkenaan tentangnya kita yakini sebagaimana yang disebutkan itu tanpa kita tafsirkan mengikut kehendak kita atau kita tolak sama sekali.

Muhammad Abdullah al-Khatib (1993) menjelaskan bahawa usul ini menerangkan kedudukan tauhid dalam akidah sambil menerangkan jalan tengah dalam ayat-ayat sifat dan hadis-hadisnya yang sahih. Iman yang benar dan tauhid yang sahih menjadikan seorang itu mendapat ketenangan, kemuliaan, keamanan dan kerehatan. Kerana itu Allah memerintahkan tauhid sebelum perkara lain. Kewajipan muslim terhadap akidah yang tertinggi ini merangkumi tiga perkara;

1. Makrifah dengan yakin dan bukannya dengan lintasan fikiran
2. Makrifah yang benar tanpa ragu-ragu terhadapnya.
3. Yakin akan kesempurnaan Allah dari sebarang kekurangan.

Seterusnya Imam Hasan al-Banna menerangkan bahawa beriman kepada Allah dan terpeliharanya akidah merupakan asas setiap sesuatu dan tanpanya setiap amalan tidak bernilai walaupun ia kelihatan cantik dan banyak. Beliau menyentuh perkara ini di dalam usulnya yang ketujuh belas.

Usul ketujuh belas

Akidah adalah landasan kepada amalan. Amalan hati lebih penting dari amalan anggota badan. Melakukan yang terbaik dalam kedua-dua amalan ini adalah tuntutan syarak walaupun wujud perbezaan pada sejauh mana ia dituntut.

**e. Tahu Batas-batas Iman**

Dalam menjelaskan batas-batas iman, Imam Hasan al-Banna telah menggariskan beberapa perkara yang perlu dijaga. Tidak akan kafir seseorang dengan sebab maksiat yang dilakukan. Beliau mengingatkan agar jangan terlalu mudah untuk mengkafirkan seseorang kerana terlalu cepat menghukum kufur ke atas seseorang adalah perkara yang bahaya terhadap penghukum. Beliau menyebutnya dalam usul kedua puluh.

#### Usul kedua puluh

Kita tidak mengkufurkan seorang muslim yang mengucapkan dua kalimah syahadah dan masih mengamalkan tuntutannya serta mengamalkan amalan fardu. Kita tidak mengkufurkannya disebabkan pendapat dan maksiat yang dilakukan kecuali dia mengeluarkan ucapan kufur dan mengakuinya atau mengingkari perkara-perkara agama yang sememangnya diketahui atau tidak mempercayai ajaran al-Quran yang jelas atau melakukan sesuatu yang tidak boleh diandaikan melainkan kufur.

#### **f. Melakukan Amalan dan Ibadat Dengan Betul**

Imam Hasan al-Banna sangat menekankan agar individu muslim itu tatkala melakukan sesuatu amalan atau ibadah, hendaklah ibadah dan amalan yang bertepatan dengan sunah. Kerana itu beliau menyebut tentang perkara ini dalam beberapa usulnya.

Seperti mana dalam usul yang keempat, beliau telah menjelaskan amalan yang perlu dijauhi dan kemungkarannya yang perlu diperangi iaitu amalan khurafat yang bertentangan dengan syarak. Usul ini hakikatnya melengkapkan usul yang ketiga yang menafikan sumber syariat yang tidak betul.

#### Usul keempat

Tangkal, jampi, kulit kerang yang dijadikan pendinding, menilik dengan cara melukis di pasir, tenung nasib, sihir dan dakwaan mengaku mengetahui perkara ghaib, semua ini adalah amalan sesat yang wajib diperangi, kecuali jampi yang menggunakan ayat al-Quran atau hadis yang *ma'thur*.

Beliau juga menerangkan akan bidaah. Menurut beliau bidaah terbahagi kepada dua; bidaah hakiki dan bidaah tyambahan. Bidaah hakiki yang wajib diperangi dan dijauhi manakala bidaah dalam bentuk tambahan, pengurangan dan iltizam pada amalan tertentu yang menurutnya terdapat khilaf padanya dan kita tidak harus berbalah tentang perkara tersebut. Perkara ini disebut dalam usul yang kesebelas dan dua belas.

#### Usul kesebelas

Setiap amalan bidaah yang dimasukkan dalam agama yang tidak ada asas (yang diamalkan oleh manusia kerana mengikut hawa nafsu sama ada dengan cara menambah atau mengurangkannya) adalah kesesatan yang wajib diperangi dan dihapuskan dengan cara yang paling baik dan tidak membawa kepada keadaan yang lebih buruk.

#### Usul kedua belas

Bidaah yang dilakukan dengan cara menambah atau meninggalkan atau beriltizam dengan satu-satu ibadat adalah masalah perbezaan pendapat dari sudut fikah. Masing-masing mempunyai pendapat tersendiri. Namun tidak salah mencari kebenaran dengan berpandukan dalil dan bukti.

Beliau seterusnya membawakan contoh bidaah yang perlu dijauhi yang merupakan antara amalan yang sering berlaku dalam masyarakat Islam.

#### Usul keempat belas.

Menziarahi kubur adalah sunah yang disyariatkan dengan cara-cara yang *ma'thur* (dinyatakan oleh sunah). Akan tetapi meminta pertolongan dari ahli kubur walau siapa pun mereka, menyeru mereka atau meminta sesuatu hajat dari mereka sama ada secara dekat ataupun jauh,

bernazar, membina binaan di atas kubur mengusap-usapnya, bersumpah dengan sesuatu selain Allah dan perkara bidaah seumpamanya adalah dosa besar yang wajib diperangi .

**g. Memahami Asas-asas Syarak**

Muhammad Abdullah al-Khatib (1993) menjelaskan bahawa Imam Hasan al-Banna menerangkan beberapa asas tentang siyasah syariyyah iaitu perkara yang harus atau tidak bagi imam dan naibnya. Ia disebut dalam usul kedua puluh. Usul ini juga menyatakan bahawa ruang lingkup dan ijihad imam boleh diamalkan iaitu pada tiga perkara dan dengan syarat ia tidak bertentangan dengan syarak. Tiga perkara tersebut ialah;

- a) Perkara yang tidak ada nas
- b) Perkara yang boleh menerima andaian
- c) Masalah mursalah

Beliau juga menjelaskan bahawa asas pada ibadah seperti bentuk, masa, syarat dan tempat adalah adanya nas-nas syarak tentang pensyariatannya manakala asas pada perkara selainnya atau perkara adat ialah adanya hikmah, rahsia dan tujuan terhadap perkara tersebut. Perkara ini jelas dalam usul yang kelima.

Usul kelima:

Pendapat imam atau wakilnya dalam perkara yang tiada nas ataupun nas tersebut mempunyai pelbagai maksud dan dalam soal masalah mursalah (kepentingan umum) boleh dilaksanakan selagi tidak bertentangan dengan asas syarak. Pendapat ini mungkin berubah mengikut keadaan, budaya dan adat. Asas dalam soal ibadat ialah pengabdian (taabud) tanpa perlu melihat kepada maksud dan asal pada adat ialah melihat kepada rahsia, hikmat dan tujuan.

Usul ketujuh pula membincangkan masalah ijihad dan taklid. Hasan al-Banna menerangkan bahawa taklid adalah harus bagi orang yang lemah sementara ijihad pula harus bagi yang berkemampuan.

Usul Ketujuh:

Setiap muslim yang masih belum sampai ke peringkat meneliti dalil-dalil hukum cabang hendaklah mengikut salah satu imam dalam agama ini. Namun demikian adalah lebih baik dia berusaha untuk memahami dalil-dalil tersebut.

Seterusnya dalam usul keenam belas Hasan al-Banna menjelaskan tentang uruf dan perlunya kita memastikan agar tidak terikut dengan uruf yang bertentangan dengan syarak.

Usul keenam belas

Uruf yang salah tidak boleh mengubah lafaz syarak. Malah apa yang diistilahkan oleh syarak ini perlu dikenal pasti ruang lingkungannya dan dilaksanakan menurut erti istilah tersebut.

**h. Memahami Masalah Permasalahan Fikah**

Ramai orang tersilap dalam menentukan sikap yang sebenarnya dalam menghadapi permasalahan fikah. Sikap ini akhirnya membuahkan hasil yang amat pahit seperti permusuhan, perbalahan dan pertengkar. Maka Imam Hasan al-Banna menjelaskan bahawa perselisihan fikah tidak sepatutnya memecahbelahkan, setiap yang berijihad ada pahalanya dan perbincangan haruslah berjalan di bawah naungan kasih sayang. Isu ini dijelaskan dalam usul kelapan dan kelima belas.

Usul Kelapan

Perselisihan fikah dalam perkara cabang tidak sepatutnya menjadi sebab untuk berpecah. Perbezaan pendapat ini tidak sepatutnya menimbulkan permusuhan dan persengketaan kerana setiap mujahid akan mendapat pahalanya. Namun tidak salah untuk membuat kajian-kajian ilmiah dalam masalah yang dipertikaikan selagi mana ia dilakukan dalam suasana penuh

kemesraan dan saling bekerjasama untuk mencari kebenaran. Dengan syarat ia tidak menimbulkan perselisihan yang tidak diingini dan budaya taasub.

#### Usul kelima belas

Doa yang dikaitkan dengan tawasul kepada Allah menggunakan perantaraan salah satu dari makhluknya merupakan perselisihan pendapat pada masalah furu' (cabang) di dalam cara berdoa dan bukannya permasalahan akidah.

#### **i. Melakukan Perkara Yang Berfaedah**

Jumaah Amin(1993) menyatakan Hasan al-Banna berusaha untuk mengajak umat Islam agar tidak menyibukkan diri dalam perkara yang tidak berfaedah dan tidak membuahkan amal. Sebaliknya Hasan al-Banna menggalakkan setiap muslim supaya memenuhi masa dengan melakukan perkara-perkara yang memberi manfaat di dunia dan di akhirat sebagaimana disebutkan dalam usul yang kesembilan.

#### Usul kesembilan

Setiap masalah yang tidak membuahkan amalan tidak perlu dibincangkan secara mendalam kerana tindakan itu dianggap membebaskan diri yang ia ditegah oleh syarak. Ini termasuklah tindakan menambah hukum hakam yang masih belum berlaku, mengkaji maksud ayat al-Quran yang masih belum dicapai oleh sains, berbincang mengenai kemuliaan seorang sahabat berbanding sahabat yang lain dan persengketaan yang berlaku di kalangan mereka.

#### **j. Mendekatkan Diri Kepada Allah**

Muhammad Abdullah al-Khatib (1993) menyatakan bahawa Imam Hasan al-Banna menjelaskan bahawa mencintai orang-orang soleh adalah jalan untuk mendekati diri kepada Allah. Namun dalam masa yang sama beliau telah menerangkan satu pendirian yang kukuh dan sederhana terhadap orang-orang yang soleh iaitu pegangan yang tidak keterlaluan atau terlalu longgar.

#### Usul Ketiga belas

Mencintai orang yang salih, menghormati dan memberi pujian terhadap amalan-amalan baik yang mereka lakukan adalah jalan untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Karamah berlaku kepada mereka dengan syarat yang ditetapkan oleh syarak. Namun perlu diyakini mereka ini tidak mampu mendatangkan kemudharatan dan kemanfaatan untuk diri mereka sendiri ketika hayat mereka dan selepas kematian mereka apatah lagi untuk melakukannya kepada orang lain.

#### **k. Gunakan Akal Untuk Berfikir Dan Berinovasi**

Muhammad Abdullah al-Khatib (1993) menjelaskan bahawa Islam menggalakkan agar memerhatikan alam semesta dan Islam mengangkat kedudukan ilmu dan ulama. Islam juga mengalu-alukan sesuatu yang memberikan kebaikan kepada manusia. Ia jelas dalam usul kelapan belas.

#### Usul kelapan belas

Islam membebaskan akal dan menggalakkan manusia memerhatikan alam semesta. Islam mengangkat darjat ilmu dan ulama. Islam juga mengalu-alukan segala perkara yang baik dan bermanfaat.

Setelah Hasan al-Banna menerangkan sikap Islam terhadap akal fikiran dan ilmu pengetahuan, beliau kemudiannya menerangkan dalam usul kesembilan belas bahawa akal mempunyai ruang lingkup untuk perbincangan dan pemerhatian. Begitu juga dengan syarak di mana hakikat-hakikat syarak tidak akan bertembung dengan hakikat –hakikat ilmu sains.

### Usul kesembilan belas

Ada pandangan syarak tidak bertepatan dengan pandangan akal namun akal dan syarak tidak akan bertembung dalam perkara yang pasti. Penemuan sains yang sah tidak akan bertembung dengan kaedah syarak yang tetap. Bagi perkara yang tidak dapat dipastikan oleh akal dan syarak, pandangan syarak perlu diutamakan sehingga akal dapat membuktikan kebenarannya atau sebaliknya.

## **2. Kesimpulan**

Jelaslah bahawa *Usul 'Isyriin* adalah asas-asas yang disusun oleh Imam Hasan al-Banna untuk melahirkan seorang muslim yang benar-benar faham akan ajaran Islam. Yang benar pada akidahnya, yang berhukum dengan undang-undang Islam, yang dipandu akalnya oleh kefahaman Islam, akhlaknya berasaskan Islam, dirinya dikawal oleh ajaran-ajaran Islam dan ia hidup dengan ruh Islam dan seluruh kehidupannya diwarnai dengan warna-warna Islam. Maka seorang muslim yang benar-benar faham itu akan dapat melihat Islam dengan terang dan jelas hingga akhirnya membentuk dirinya sebagai muslim yang sejati dan tulen.

## **Rujukan**

Al-Banna, Hasan. *Risalah Ta'lim dalam Majmuah al-Rasail*. Terjemahan Salehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Ahmad Munawar Ismail. 2012 *Islam Dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu*. dalam Jurnal Hadhari Special Edition. Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Hadhari.

Ari Kurniawan. 2013. *Jati Diri Kebangsaan Dalam Falsafah Pendidikan Islam*. Dalam Jurnal al-Hikmah. Selangor: UKM

Jum'ah Amin Abdul Aziz. 1993. *Fahm al-Islam fi Zilal Usul al-'Isyriin*. Kaherah: Dar al-Dakwah

Muhammad Abdullah al-Khatib. 1993. *Pandangan Semula Kepada Risalah Taalim*. Selangor: Pustaka Media Budi.

Muhammad Fauzi Asmuni. 2011. *Perjuangan Bangsa Melayu Dalam Mempertahankan Jati Diri Dan Agama Islam*. Dlm Konvensyen Memperingati Kejatuhan Empayar Melayu Islam Melaka. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia.

Mujahidah, Nelly. *Konsep Pendidikan Ikhwanul Muslimin: Telaah terhadap Pemikiran Hasan Al-Banna*. Jurnal al-Turats Vol. I, Nomor 2., 2007

Qardhawi, Yusuf. *Pendidikan Islam dan Madrasah Hasan al-Banna*. Terjemahan Bustani A.Ghani dan Zainal Abidin, Jakarta: Bulan Bintang, 1980.

Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain. 2013. *Rekonfigurasi Epistemologi Jati Diri Melayu: Manifestasinya Ke Atas Silat Seni Gayong*. Tesis PHD. Bangi: UKM